

# Muhd Khaled Adam, Dayangku Nurd Zyuhairah unggul Merentas Desa SK Lubok Temiang 2017

LABUAN: Atlet Rumah Biru, Muhd Khaled Adam Abdullah dan atlet Rumah Kuning, Dayangku Nurd Zyuhairah Awgku Abd Rahman masing-masing mengungguli kategori Lelaki dan Perempuan Bawah 12 Tahun Kejohanan Merentas Desa Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT) 2017.

Kedua-dua atlet tersebut merupakan Murid Tahun Enam Intelek di SK Lubok Temiang.

Naib johan murid Tahun 6 Cemerlang, Mohd Hadi Hazran yang juga atlet Rumah Biru manakala ketiga diraih atlet Rumah Kuning, Nazril Shah Mohd Johari yang juga murid Tahun 5 Bestari.

Bagi kategori Perempuan pula, tempat kedua dimenangi

atlet Rumah Merah, Nafie-shah Shafiq Nazrul yang juga murid Tahun 5 Bestari manakala ketiga disandang Suhaila Mohd Serip murid Tahun 6 Intelek selaku atlet Rumah Hijau.

Seramai 250 peserta yang mewakili murid Tahun 4., 5 dan 6 menyertai larian sejauh 3 kilometer dari pekarangan sekolah menuju ke Simpang 3 Kampung Lubok Temiang dan kembali semula ke sekolah tersebut.

Kejohanan merentas desa itu diadakan adalah untuk memilih atlet terbaik bagi mewakili SK Lubok Temiang ke Kejohanan Merentas Desa MSS Wilayah Persekutuan Labuan yang dijadual diadakan pada Sabtu ini di Padang

Majal, Pancur Hitam, Kampung Pohon Batu.

Majlis pelepasan peserta disempurnakan oleh Penolong Kanan Pentadbiran, Roslan Mohamad yang mewakili Guru Besar, Cally Awat Mouguring.

Turut hadir Penolong Kanan Kokurikulum, Maimon Abd Rahman dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Farid Marcus.

Sementara itu, Cally berharap atlet SK Lubok Temiang akan memberikan saingan sengit kepada pelari sekolah lain di kejohanan merentas desa peringkat Labuan, Sabtu ini.

Beliau yakin menerusi latihan intensif yang dikendalikan jurulatih sekolah itu, pelari SK Lubok Temiang mampu

meraih pingat sekaligus mengharumkan nama sekolah.

“Pelari SK Lubok Temiang akan sentiasa memberikan saingan sengit kepada pelari sekolah rendah yang lain sekaligus memeriahkan Kejohanan Merentas Desa peringkat WP Labuan 2017,” katanya.

Terdahulu, Cally merakamkan ucapan penghargaan kepada anggota polis trafik IPD Labuan dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia yang turut menjayakan Kejohanan Merentas Desa SK Lubok Temiang 2017.

“Tidak lupa ucapan terima kasih kepada semua guru yang bekerjasama seawal pukul 6.30 pagi bagi melancarkan program tahunan itu,” katanya.



**ROSLAN** (dari kanan), Farid dan Maimon bersama pemenang Kejohanan Merentas Desa Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT) 2017.